

# Kurikulum universiti tempatan dirombak

BH-11/6/2007.

Oleh Wan Faizal Ismayatim

**K**OTA BHARU: Kementerian Pengajian Tinggi sedang merombak kurikulum semua universiti tempatan dengan memberi penekanan kepada aspek sahsiah diri dan kokurikulum.

Rombakan itu antara lain dilakukan kurikulum yang ditawarkan universiti tempatan kini disesuaikan dengan pasaran kerja semasa, di samping melahirkan graduan berdikari.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata rombakan itu selaras dasar kerajaan yang mahu kurikulum universiti disemak lebih kerap iaitu setiap tiga tahun berbanding lima tahun sebelum ini.

Beliau berkata, kecemerlangan pelajar universiti juga akan dinilai berdasarkan 10 peratus kegiatan kokurikulum, merangkumi kegiatan sukan dan aktiviti kemasyarakatan bagi melahirkan pelajar aktif dan berdaya saing.

"Kita sedang merombak kurikulum semua universiti yang lebih berorientasikan kemahiran komunika-

si, sahsiah diri dan keusahawanan serta tidak lagi hanya berasaskan peperiksaan.

"Tahun ini saja, kerajaan memperuntukkan RM33 juta untuk membangunkan program berkaitan sukan di semua universiti yang memerlukan pembabitan aktif pelajar dalam kegiatan yang dianjurkan universiti," katanya.

Beliau memberitahu pemberita de-

**“Kita merombak kurikulum semua universiti yang lebih berorientasikan kemahiran komunikasi, sahsiah diri dan keusahawanan”**

**Mustapa Mohamed**  
Menteri Pengajian Tinggi

mikian selepas diwawancara oleh Kelantan FM di sini, semalam.

Mustapa memberi contoh, menerusi kurikulum baru itu, pelajar jurusan komunikasi perlu mengikuti kursus berkaitan imej bagi membentuk personaliti seperti cara berpakaian, keyakinan diri dan pembentangan kertas kerja.

"Sebelum ini, ramai graduan universiti tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi serta tiada keyakinan diri sehingga menyebabkan mereka sukar bersaing terutama untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja," katanya.

Mengenai usul Dewan Pemuda Pas pada muktamar parti itu yang meminta kerajaan memansuhkan bayaran balik Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Mustapa berkata, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

Katanya, kerajaan tidak boleh berbuat demikian kerana wang yang digunakan itu wang rakyat yang dipinjamkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kerajaan perlu membayar balik.